



**ETIKA DAN ADAB ISLAM DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL:
CABARAN DAN IMPLIKASI KONTEMPORARI**

Irdina Ilmuna Mardi^{1*}, Siti Nur Shakeyra Balqis Bahrum¹, Aleeya Safira Ahamad
Zaih@Jais¹, Farah Anisah Ismail¹, Adi Amri Mohd Efandi¹
& Muhammad Luqman Nulhakim Azman¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka
78000, Alor Gajah Melaka

* iilmuna0@gmail.com (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i1.7332>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
27 January 2024

Valuation date:
25 February 2024

Publication date:
15 April 2024

Media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan masyarakat moden. Namun, perkembangan pesat teknologi maklumat tanpa kawalan yang betul mendedahkan pengguna kepada pelbagai isu etika dan adab, terutamanya dalam kalangan umat Islam. Artikel ini membincangkan keperluan memelihara etika dan adab Islam dalam penggunaan media sosial agar ia menjadi wadah yang bermanfaat dan selari dengan tuntutan syariah. Kajian ini meneliti cabaran seperti penyebaran berita palsu, fitnah, pendedahan aurat, buli siber, serta pergaulan bebas di alam maya yang semakin berleluasa. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen, artikel ini mendapati bahawa pengabaian etika dan adab dalam media sosial memberi kesan buruk kepada keharmonian masyarakat dan imej Islam. Kajian mencadangkan penerapan nilai kejujuran, amanah, menjaga privasi, dan menghormati batas syariah sebagai prinsip utama dalam penggunaan media sosial. Penguatkuasaan undang-undang, kempen kesedaran serta pendidikan berterusan mengenai etika digital perlu diperkukuhkan bagi membentuk komuniti maya yang lebih berakhlak dan bertanggungjawab.

Kata kunci: Etika Islam, Adab Media Sosial, Penyebaran Fitnah, Aurat, Buli Siber

**ETHICS AND ISLAMIC MANNERS IN THE USE OF SOCIAL MEDIA:
CONTEMPORARY CHALLENGES AND IMPLICATIONS**

Abstract

Social media has become an essential part of modern life. However, the rapid development of information technology, when left unchecked, exposes users to various ethical and moral issues—particularly among Muslims. This article discusses the need to uphold Islamic ethics and manners in the use of social media to ensure that it becomes a

beneficial platform aligned with the principles of shariah. This study examines contemporary challenges such as the spread of fake news, slander, exposure of aurah, cyberbullying, and unrestricted online interactions that are increasingly widespread. Using a qualitative approach through content analysis of relevant documents, the article finds that the neglect of ethics and Islamic manners in social media usage negatively affects social harmony and the image of Islam. The study recommends the application of core values such as honesty, trustworthiness, privacy protection, and respect for shariah boundaries as key principles in social media engagement. Strengthening law enforcement, awareness campaigns, and continuous digital ethics education is essential in shaping a more ethical and responsible virtual community.

Keywords: *Islamic Ethics, Social Media Manners, Dissemination of Slander, Aurah, Cyberbullying*

PENGENALAN

IDalam dunia yang semakin dipacu oleh teknologi maklumat, media sosial kini menjadi suatu perkara yang sangat penting kepada semua makhluk yang hidup di muka bumi ini. Media sosial merupakan suatu platform yang digunakan oleh semua peringkat umur tidak kira pada usia muda ataupun tua. Menurut B.K Lewis, beliau mentakrifkan media sosial sebagai teknologi digital yang berpotensi untuk membolehkan semua orang berhubung antara satu sama lain, menghasilkan dan berkongsi mesej (liyana, 2024). Beberapa contoh platform media sosial termasuklah Facebook, TikTok, X (dulu dikenali sebagai Twitter), dan Instagram yang cukup terkenal dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

Khususnya individu yang sedang menuntut di universiti, media sosial bukan sahaja platform untuk berhubung antara satu sama lain, malah turut dimanfaatkan sebagai medium untuk mendapatkan maklumat tentang akademik. Melalui media sosial, mahasiswa dapat berkongsi bahan rujukan dan mengikuti perkembangan semasa tentang bidang pengajian. Bukan itu sahaja, melalui media sosial, mahasiswa dapat meningkatkan kemahiran literasi digital. Penggunaan media sosial membenarkan mahasiswa memperoleh banyak manfaat. Contohnya, mahasiswa dapat meningkatkan kreativiti dan dapat membantu mahasiswa berkomunikasi secara efektif dengan orang lain baik secara langsung atau tidak langsung.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, media sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, perniagaan, dan penyebaran maklumat. Media sosial mempunyai pelbagai peranan, antaranya ialah menyebarkan polisi dan dasar kerajaan dengan lebih berkesan. Melalui media sosial, rakyat dapat menerima maklumat terkini tentang isu semasa yang sedang berlaku dengan lebih mudah dan pantas. Selain itu, menyampaikan dakwah dan maklumat kepada masyarakat. Wujudnya media sosial, dakwah dapat disebarluaskan tanpa sempadan lokasi, masa dan lapisan masyarakat. Akhir sekali, media sosial berperanan sebagai medium menyemai perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sebagai ilustrasi, penyebaran media yang berkaitan dengan perpaduan dalam kalangan rakyat berpotensi untuk mempengaruhi rakyat untuk menghargai erti perpaduan.

Intihanya, media sosial merupakan suatu platform yang telah membawa perubahan yang sangat besar kepada cara berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Namun, setiap pengguna media sosial khususnya pengguna yang beragama islam hendaklah menggunakan media sosial dengan penuh adab dan berlandaskan akhlak islam. Contohnya, menjaga maruah diri dan mengelakkan diri daripada melakukan penyebaran fitnah dan maklumat palsu. Pengaplikasian sikap nilai-nilai murni berikut membolehkan kita memanfaatkan media sosial dengan bijak serta dapat memastikan media sosial menjadi platform yang membawa kebaikan dan keberkatan kepada semua pengguna.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam era digital, media sosial menjadi platform utama komunikasi dan perkongsian maklumat, namun penggunaannya sering disalahgunakan. Menurut Umar (2025), penyebaran berita palsu semakin membimbangkan dan menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Penyebaran maklumat tanpa usul periksa ini telah mengundang perpecahan dan menggugat keharmonian sosial, khususnya apabila melibatkan isu politik dan agama.

Selain itu, pendedahan aurat yang tidak terkawal di media sosial menunjukkan kemerosotan adab dan akhlak dalam kalangan umat Islam. Al-Falah Madani (n.d.) menjelaskan bahawa ramai pengguna media sosial, khususnya wanita, secara terbuka memuat naik gambar yang tidak menutup aurat dengan sempurna, yang mana tindakan ini bukan sahaja melanggar syariat tetapi juga memberi contoh negatif kepada generasi muda.

Tambahan pula, buli siber dan pergaulan bebas dalam platform digital menjadi cabaran besar yang sering diabaikan. Bernama (2024) melaporkan peningkatan kes buli siber yang memberi kesan emosi mendalam kepada mangsa, terutamanya remaja. Media sosial turut menjadi ruang bagi interaksi tanpa batas antara lelaki dan perempuan yang boleh mengundang maksiat secara tersembunyi, sekaligus mencemarkan imej Islam dalam masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Al-Falah Madani (n.d.) menyorot isu pendedahan aurat di media sosial yang semakin berleluasa, khususnya dalam kalangan wanita. Pendedahan ini bukan sahaja bercanggah dengan hukum syarak, malah membuka ruang kepada gangguan seksual dan penyalahgunaan gambar tanpa kebenaran. Al-Falah Madani menegaskan pentingnya kesedaran dan kawalan diri dalam menjaga maruah dan kehormatan peribadi di alam maya.

Kajian Umar (2025) berkaitan kebebasan media dan akhbar di Malaysia turut menegaskan bahawa kemudahan media sosial yang bebas tanpa kawalan mendorong kepada peningkatan penyebaran berita palsu. Beliau mencadangkan supaya pengguna memanfaatkan kemahiran literasi maklumat untuk menilai kesahihan maklumat yang diterima agar tidak menjadi penyumbang kepada penyebaran fitnah yang merosakkan masyarakat.

Bernama (2024) dalam laporannya menggariskan bahaya buli siber yang semakin menular dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Mangsa sering mengalami tekanan emosi yang berpanjangan dan boleh membawa kepada kecenderungan bunuh diri. Bagi mengatasi masalah ini, pendidikan awal mengenai keselamatan dalam talian dan pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak di media sosial amat penting bagi membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dokumen, artikel jurnal, laporan berita dan sumber ilmiah berkaitan etika dan adab penggunaan media sosial. Data diperoleh daripada kajian terdahulu yang membincangkan isu-isu penyebaran fitnah, pendedahan aurat, buli siber, dan pergaulan bebas di alam maya. Analisis dijalankan untuk mengenal pasti kepentingan penerapan etika dan adab Islam dalam mengatasi cabaran ini.

Kajian ini turut meneliti garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama seperti Garis Panduan Penggunaan Aplikasi Media Sosial Menurut Syarak serta penulisan yang memfokuskan kepada kesan sosial dan moral penggunaan media sosial. Data dianalisis secara tematik untuk menghubungkan teori etika Islam dengan amalan semasa serta mencadangkan strategi membudayakan adab yang selari dengan tuntutan syariah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Etika Dan Adab Dalam Islam.

Etika islam adalah sinonim dengan adab. Adab didefinisikan sebagai sifat yang sentiasa ada di setiap jiwa seseorang dan perbuatan yang dilakukan wujud daripadanya dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Etika dalam islam ini juga mempunyai asasnya dan mempunyai sumber seperti iaitu (dalil naqli) iaitu al Quran dan al- Hadith. Dalam masa yang sama, Islam juga turut menggunakan sumber kemanusiaan (dalil aqli) yang terdiri daripada taakulan akal, naluri dan juga pengalaman manusia. Namun sepertimana yang kita tahu akal manusia itu juga memerlukan bimbingan daripada al-Quran dan al Hadith itu sendiri. Seterusnya, apabila kita menggabungkan kedua dua sumber ia akan menghasilkan etika islam yang berkualiti dan berinovatif bagi mendasari segala perbuatan yang dilakukan seharian manusia. Di dalam surah al Qalam ayat 4 menjelaskan pujian dan pengakuan Allah swt terhadap tingginya budi pekerti, akhlak atau etika Rasulullah saw sehingga Allah menggunakan kalimat nakirah (am) yang menunjukkan bahawa segala perilaku baginda mengandungi akhlak yang boleh diikuti juga diteladani.

Garis Panduan Etika Dan Adab Islam Di Media Sosial

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat telah membawa kepada kewujudan pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube. Media sosial kini menjadi alat utama komunikasi dan penyebaran maklumat dalam

kehidupan seharian. Namun, dalam kemajuan ini, umat Islam tidak boleh terleka sehingga mengabaikan prinsip-prinsip agama. Islam sebagai agama yang syumul telah menetapkan garis panduan jelas dalam berinteraksi di ruang digital. Dua aspek utama yang perlu diberi perhatian ialah etika dan adab dalam penggunaan media sosial, agar setiap tindakan yang dilakukan tidak melanggar batas syarak dan membawa kepada kebaikan dunia serta akhirat.

Etika merujuk kepada nilai-nilai asas yang menjadi garis panduan moral dalam menentukan sesuatu perbuatan itu baik atau buruk. Dalam konteks media sosial, etika Islam menuntut agar setiap Muslim bertindak dengan tanggungjawab, jujur dan berlandaskan prinsip syariah. Nilai-nilai ini termasuklah al-*ṣidq* (benar), amanah (bertanggungjawab), hikmah (kebijaksanaan), serta toleransi dan perpaduan.

Etika yang paling utama ialah tidak menyebarkan berita palsu dan fitnah. Dalam dunia digital, penyebaran maklumat berlaku dalam sekelip mata, namun tidak semua yang disebarkan itu benar. Menurut Surah al-Hujurat ayat 6, Allah SWT menyeru agar setiap berita yang datang daripada orang fasik perlu diteliti terlebih dahulu. Ini kerana menyebarkan maklumat palsu boleh menimbulkan kekeliruan, mencemarkan nama baik orang lain dan mencetuskan perpecahan. Malah, Rasulullah SAW dalam hadisnya juga memberi amaran tentang azab kubur yang menimpa mereka yang suka menyebarkan fitnah. Maka, sebagai pengguna media sosial yang beretika, umat Islam perlu mengutamakan kebenaran dan tidak tergesa-gesa berkongsi sesuatu tanpa kepastian. Nilai etika Islam yang ditekankan di sini ialah al-*ṣidq* (kejujuran dalam menyampaikan maklumat), amanah (bertanggungjawab terhadap perkongsian), dan wara' (berhati-hati agar tidak menzalimi orang lain).

Selain itu, menjaga privasi dan data peribadi merupakan etika penting dalam dunia siber. Berdasarkan kajian, majoriti pengguna menyedari risiko seperti kecurian identiti dan penyalahgunaan maklumat apabila mereka mendedahkan terlalu banyak perkara peribadi di media sosial. Islam mengajar kita untuk berhati-hati dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kepada jenayah siber. Ini termasuk tidak berkongsi maklumat kad bank, alamat, gambar sensitif dan butiran keluarga tanpa keperluan. Etika ini mengandungi nilai-nilai seperti tanggungjawab terhadap diri dan keluarga, *al-karamah* (menjaga kemuliaan dan maruah diri) serta wara' (menjauhkan diri daripada perkara yang syubhah atau meragukan).

Di samping itu, Islam juga menggariskan agar pengguna media sosial mengutamakan perpaduan dan menjauhi perpecahan. Perbezaan pendapat dalam aspek politik, pendidikan atau pandangan hidup perlu diraikan dengan bijaksana dan tidak beremosi. Menurut kaedah yang digariskan ulama seperti Yusuf al-Qaradhawi, bersepakat dalam kebaikan lebih utama daripada berpecah demi mempertahankan sesuatu yang dianggap terbaik. Oleh itu, etika komunikasi di media sosial perlu dijaga agar tidak melukai perasaan orang lain atau menyebabkan perbalahan yang tidak berkesudahan. Nilai etika yang terkandung dalam prinsip ini ialah ukhuwwah Islamiyah (persaudaraan), tasamuh (toleransi dan berlapang dada), hikmah (bijaksana dalam perbincangan) serta islah (usaha memperbaiki masyarakat tanpa mencetuskan fitnah atau perpecahan).

Adab pula merujuk kepada tingkah laku, sikap dan perbuatan yang mencerminkan akhlak seorang Muslim. Dalam penggunaan media sosial, adab sangat penting untuk mencerminkan keperibadian Islam dan menjamin keharmonian sosial.

Antara adab yang paling ditekankan ialah tidak mendedahkan aurat dan menjaga maruah diri. Dalam Islam, aurat perlu dijaga dalam semua keadaan, termasuk di media sosial. Namun, terdapat ramai pengguna khususnya wanita yang tanpa sedar memuat naik gambar yang tidak menutup aurat dengan sempurna. Tindakan ini bukan sahaja membuka ruang kepada dosa, tetapi juga menurunkan maruah diri dan keluarga. Menurut satu hadis, Rasulullah SAW telah menegur Asma' binti Abu Bakar yang berpakaian nipis, lalu mengingatkannya bahawa wanita yang telah baligh hanya boleh memperlihatkan wajah dan tangan kepada bukan mahram.

Selain itu, menjaga aib diri dan orang lain juga merupakan adab yang penting dalam Islam. Media sosial sering dijadikan tempat untuk meluahkan perasaan marah, kecewa atau tidak puas hati terhadap pasangan, keluarga, atau rakan. Tindakan ini sering kali mendedahkan aib peribadi yang sepatutnya disimpan. Surah an-Nur ayat 19 mengingatkan bahawa mereka yang suka menyebarkan perkara keji dalam kalangan orang beriman akan menerima azab yang pedih.

Tidak dilupakan, adab dalam pergaulan maya juga mesti dijaga. Walaupun interaksi berlaku secara tidak bersemuka, batas antara lelaki dan perempuan tetap wujud dalam Islam. Perbualan atau perhubungan yang bersifat menggoda, mesra berlebihan atau tidak bekeperluan boleh menjadi pintu kepada zina hati dan maksiat yang boleh mendorong kepada berlakunya perkara yang tidak baik seperti pergaulan bebas. Oleh itu, seorang muslim perlu menjaga niat dan tingkah laku, serta mengelakkan pergaulan yang boleh menimbulkan fitnah walaupun hanya di alam maya.

Cabaran Media Sosial Dalam Era Teknologi Maklumat

Dalam dunia yang serba pantas hari ini, maklumat boleh tersebar dalam sekelip mata tetapi sayangnya, tidak semuanya benar. Penyebaran berita palsu di media sosial kini menjadi antara cabaran utama dalam masyarakat. Lebih membimbangkan, berita yang menyentuh isu sensitif seperti politik, agama, atau kesihatan awam sering disebar tanpa usul periksa. Ramai orang cenderung untuk terus berkongsi apa yang mereka lihat tanpa menyemak kesahihannya terlebih dahulu. Akibatnya, berlaku kekeliruan, salah faham, dan kadangkala ketegangan dalam masyarakat. Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), lebih 500 kes berita palsu dilaporkan antara tahun 2020 hingga 2023, terutama semasa tempoh pandemik COVID-19. Situasi ini menjejaskan kepercayaan terhadap maklumat rasmi dan boleh menggugat keharmonian negara. Oleh itu, penting untuk setiap pengguna media sosial memiliki kesedaran dan kemahiran literasi maklumat agar tidak menjadi penyebar maklumat yang salah (Umar, 2025).

Walaupun teknologi terus berkembang dengan pesat, masih ramai yang belum dapat menikmatinya sepenuhnya. Mereka yang tinggal di kawasan luar bandar atau dalam kelompok kurang berkemampuan sering kali menghadapi kekangan dari segi akses kepada internet berkelajuan tinggi dan peranti pintar. Situasi ini mewujudkan jurang

digital yang ketara antara golongan yang mempunyai capaian teknologi dan mereka yang tidak. Implikasi jurang ini sangat luas, terutamanya dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan penyampaian maklumat semasa. Sebagai contoh, pelajar tanpa capaian internet mudah tercicir dalam pelajaran, manakala pekerja pula mungkin terlepas peluang kerana kurang mahir dalam penggunaan teknologi digital. Maka, isu ini bukan sekadar melibatkan soal teknologi, tetapi turut menyentuh aspek keadilan sosial dan kesamarataan peluang hidup. Oleh itu, peranan kerajaan dan sektor swasta amat penting dalam memastikan akses digital dapat dinikmati secara saksama oleh semua lapisan masyarakat (Khairuddin et al., 2023).

Dalam menyampaikan maklumat kesihatan kepada masyarakat melalui media sosial, salah satu cabaran yang sering timbul ialah bagaimana untuk menilai sejauh mana kempen itu benar-benar berkesan. Kita mudah terpengaruh dengan angka tinggi seperti jumlah "like", "share", dan komen, tetapi hakikatnya angka tersebut belum tentu mencerminkan perubahan sikap atau tingkah laku kesihatan di dunia nyata. Sesebuah kempen mungkin kelihatan berjaya dalam talian, namun tidak semestinya membawa kesan mendalam kepada cara hidup masyarakat. Oleh itu, kita perlukan pendekatan penilaian yang lebih menyeluruh bukan sekadar bergantung kepada data digital, tetapi turut melibatkan kaedah tradisional seperti soal selidik dan pemerhatian secara langsung. Tanpa gabungan kaedah ini, kita berisiko menilai sesuatu kempen secara tidak tepat dan seterusnya membuat keputusan dasar yang kurang berkesan (Wa'iz & Zaliza, 2023).

Media sosial bukan lagi sekadar tempat berkongsi gambar atau status, ia juga boleh menjadi tempat yang sangat berbahaya, terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja. Buli siber kini berlaku hampir setiap hari; ada yang dihina, diaibkan secara terbuka atau diugut oleh individu tidak dikenali. Bagi mangsa, kesan emosi sangat mendalam terhadap tekanan perasaan, kemurungan, dan kecenderungan membunuh diri. Lebih mengerikan, ada pihak yang mengambil kesempatan mengeksploitasi kanak-kanak secara seksual melalui platform ini. Mereka menyamar dan menjalin hubungan secara perlahan-lahan sebelum bertindak. Semua ini berlaku di sebalik skrin, jauh daripada perhatian ibu bapa. Maka penting untuk golongan dewasa untuk lebih peka dan memantau penggunaan media sosial oleh anak-anak serta memberi pendidikan tentang bahaya siber seawal mungkin (Bernama, 2024).

Kesan Tidak Beradab Dalam Penggunaan Media Sosial.

Secara umumnya, penggunaan media sosial pada zaman kini merupakan suatu perkara yang telah menjadi kebiasaan dan telah digunakan oleh kebanyakan golongan masyarakat tidak mengira lingkungan umur. Walaubagaimanapun, terdapat juga kesan buruk yang akan terjadi sekiranya seseorang individu itu tidak beradab dalam penggunaannya. Antara kesan tidak beradab dalam penggunaan media sosial ialah nilai hormat-menghormati antara masyarakat akan semakin berkurangan. Seperti yang kita sedia tahu, nilai murni hormat-menghormati merupakan unsur yang penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu bagi mewujudkan sebuah komuniti masyarakat yang aman dan harmoni. Pada zaman moden ini, komunikasi antara satu sama lain dapat dilakukan dengan hanya berhubung melalui atas talian di media sosial tidak kira jarak dekat atau jarak jauh. Namun, walaupun komunikasi yang dilakukan hanya secara maya, seseorang individu

tidak boleh mengendahkan akhlak dan kelakuan ketika menggunakan media sosial seperti mengeluarkan kata-kata yang tidak disenangi seperti cacian dan hinaan sehingga boleh melukakan perasaan orang lain walaupun tidak mengenali antara satu sama lain. Akan tetapi, memang tidak dinafikan bahawa pengguna media sosial yang bergelar netizen ini semakin lama semakin bebas dan tidak menjaga kelakuan mereka lebih-lebih lagi golongan remaja yang masih muda sehinggakan hal ini boleh mencetuskan perbalahan antara satu sama lain.

Selain itu, kesan tidak beradab dengan penggunaan media sosial boleh menjatuhkan maruah diri seseorang jika disalahgunakan. Terdapat beberapa perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan jati diri seseorang di media sosial iaitu penyebaran fitnah dalam bentuk video atau tulisan. Penyebaran fitnah sangat mudah dilakukan kerana ramai pengguna media sosial akan berkongsi maklumat tanpa memeriksa kesahihan sumber atau kebenaran isi kandungan serta perkongsian palsu tersebut akan mudah menular di media sosial kerana kandungan fitnah biasanya bersifat sensasi yang membuatkan ramai orang teruja untuk saling berkongsi lebih-lebih lagi berkaitan perkara yang mengaibkan dan menjatuhkan maruah seseorang. Seterusnya, perkara yang boleh menjatuhkan maruah semasa menggunakan media sosial ialah memuat naik gambar atau video yang tidak sepatutnya di mana-mana platform. Sebagai contoh, menayangkan pakaian yang tidak menutup aurat serta tidak sopan untuk ditayangkan secara umum di media sosial. Namun bagi sesetengah individu, mereka tidak mengambil berat dan menganggap remeh akan perihal aurat kerana mereka lebih mementingkan populariti atau jumlah 'likes' yang akan diberikan netizen sekiranya dia berjaya membuat netizen terpuakau dengan gambar atau video yang telah dimuat naik di media sosial. Tanpa disedari, hal ini boleh menjatuhkan imej seseorang yang beragama islam dan merupakan salah satu faktor yang boleh mengundang kepada perkara yang tidak diingini seperti gangguan seksual serta ianya akan memberikan pengaruh dan contoh yang negatif kepada generasi muda yang menggunakan media sosial tersebut.

Di samping itu, kesan sekiranya tidak beradab dengan penggunaan media sosial akan mendorong seseorang ke arah kemaksiatan dan zina. Hal ini semestinya berlaku kerana terdapat segelintir masyarakat yang tidak menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan di dalam media sosial. Selain itu, mereka mungkin menyangka bahawa batasan pergaulan hanya perlu dilakukan secara bersemuka kerana pergaulan secara bebas di media sosial tidak mendatangkan risiko yang besar berbanding berjumpa antara satu sama lain sedangkan dalam media sosial juga terdapat tuntutan yang perlu dijaga bagi mengelakkan berlakunya kesan buruk ini. Tambahan itu, terdapat banyak aplikasi di media sosial yang membolehkan seseorang terjebak dengan perkara ini seperti melalui aplikasi 'Litmatch'. Aplikasi ini diciptakan bagi membolehkan semua jantina untuk berhubung dengan lebih akrab bagi menambah kenalan atau mendapatkan pasangan cinta cintun mereka. Di dalam aplikasi tersebut, mereka dapat berhubung dengan individu yang tidak dikenali secara rawak di atas talian dan mereka boleh berbual antara satu sama lain melalui perbualan telefon atau panggilan video secara kerap. Hal ini sewajarnya akan membuka ruang dan peluang untuk segelintir masyarakat yang mungkin akan menyalahgunakan aplikasi tersebut dengan perkara yang buruk kerana terdapat percampuran dan pergaulan jantina yang bebas.

Akhir sekali, kesan apabila tidak beradab dalam penggunaan media sosial ini boleh merosakkan dan meruntuhkan imej agama islam. Hal ini dapat dikaitkan dengan mereka yang berani mempermainkan agama dan mempersendakan hukum Allah. Sebagai contoh, terdapat golongan yang sewenang-wenangnya mengakui dan mengumumkan bahawa dia sudah murtad di khalayak ramai dalam media sosial akibat kesilapan diri sendiri serta terdapat juga golongan yang mengaku dengan mudah bahawa dia adalah seorang nabi beserta bukti yang tidak masuk akal dan tidak munasabah. Hal ini terjadi kerana mereka hanya dahagakan perhatian daripada netizen dan ingin merasakan bahawa mereka itu popular untuk disebut-sebut dalam kalangan masyarakat. Mereka seolah-olah merasa bangga untuk memberitahu seluruh masyarakat bahawa mereka telah keluar daripada agama islam atau merupakan seorang nabi sedangkan perkara tersebut boleh merosakkan dan menjatuhkan imej seseorang yang beragama islam. (Saat, 2024).

KESIMPULAN

Dalam era globalisasi yang semakin pesat ini, media sosial merupakan salah satu platform utama bagi individu yang membolehkan komunikasi, melakukan perkongsian maklumat dan interaksi secara atas talian dengan masyarakat umum. Namun, penggunaan media sosial ini turut berkembang dari semasa ke semasa yang membawa kepada cabaran besar dari segi etika dan adab, khususnya dalam kalangan umat Islam. Penggunaan media sosial secara tidak terkawal dan tanpa bimbingan nilai-nilai agama juga boleh mengundang pelbagai kesan negatif seperti penyebaran maklumat palsu, penyebaran fitnah, buli siber serta keruntuhan akhlak dalam kalangan pengguna.

Sehubungan dengan itu, umat Islam hendaklah menjadikan ajaran Islam sebagai panduan utama dalam penggunaan media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana etika dan akhlak dalam agama Islam menekankan betapa pentingnya tanggungjawab, hikmah dan cara berkomunikasi sesama manusia termasuklah di alam seseorang muslim. Secara tuntasnya, Islam mengajar agar setiap perkara atau kata-kata yang diucapkan, dikongsikan atau ditulis oleh setiap individu membawa manfaat, sahih dan tidak menyakiti hati orang lain. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Hujuraat ayat ke-6 iaitu “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan “. Ayat ini berkait rapat dalam menangani isu penyebaran berita palsu dan fitnah yang sering berlaku di media sosial pada masa kini.

Mukmin yang baik akan mengimani bahawa setiap butir patah perkataan yang terpacul daripada bibirnya akan dicatat dan akan diberi timbal balas atas apa yang dituturkan (PERAK, 2023). Hal ini membawa maksud seorang muslim yang benar-benar beriman akan berhati-hati dalam berkata-kata kerana segala perkataan, tulisan dan perbuatannya yang dilakukannya akan dipersoalkan di akhirat kelak. Oleh itu, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dalam menggunakan platform media sosial agar tidak terjebak dalam kesan-kesan negatif menggunakan media sosial. Kesimpulannya, penerapan etika dan adab dalam media sosial dapat mengelakkan pelbagai kemudaratan

sosial dan mampu menjaga mahruah , nama baik dan membentuk peribadi Muslim yang baik serta berakhlak Mulia .

RUJUKAN

- Al-Falah Madani. (n.d.). Kontroversi aurat wanita. <https://alfalahmadani.my/index.php/component/content/article/328-kontroversi-aurat-wanita?catid=21&Itemid=1410>
- Al-Istiqamah Sg Merab. (2015, September). Azab kubur. <https://alisticqamahsgmerab.blogspot.com/2015/09/azab-kubur.html>
- Al-Qur'an. (n.d.). Surah An-Nur, Ayat 19. <https://quran.com/ms/an-nur/19>
- Bernama. (2024, April 27). Kebajikan dan keselamatan kanak-kanak perlu dilindungi daripada jenayah siber. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2358822>
- Celik Tafsir. (2017, May 22). Tafsir Surah al-Hujurat Ayat 6–8 (Tabayyun). <https://celiktafsir.net/2017/05/22/hujurat-ayat-6-8/>
- CORE. (n.d.). Isu privasi dan keselamatan dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial. <https://core.ac.uk/download/pdf/287744107.pdf>
- eCentral. (n.d.). Fungsi media sosial. <https://ecentral.my/fungsi-media-sosial/>
- Jabatan Mufti Negeri Perak. (n.d.). Garis panduan penggunaan aplikasi media sosial menurut syarak. https://mufti.perak.gov.my/images/garis_panduan/Garis%20Panduan%20Penggunaan%20Aplikasi%20Media%20Sosial%20Menurut%20Syarak.pdf
- Khairuddin, N. F., Mohd Khairi, N. M., & Abdullah, N. H. (2023). Cabaran penggunaan media sosial dalam komunikasi kesihatan awam di Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/bitstreams/560eaabd-623b-4abb-b355-f3396afe0120/download>
- Mediasembilan. (2023, November 29). Pentingnya literasi digital bagi mahasiswa. <https://mediasembilan.com/2023/11/29/pentingnya-literasi-digital-bagi-mahasiswa/>
- Umar, A. H. (2025). Kebebasan media dan akhbar era Malaysia Madani: Antara cabaran dan peranan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. <https://news.uthm.edu.my/ms/2025/05/kebebasan-media-dan-akhbar-era-malaysia-madani-antara-cabaran-dan-peranan>
- Universiti Sains Islam Malaysia. (n.d.). Jurnal Pengajian Islam. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/download/195/141/341>
- Universiti Teknologi MARA. (n.d.-a). Kesan pengabaian adab dalam penggunaan media sosial: Kumpulan E02 Sufi Amier Ariff. <https://www.studocu.com/my/document/universiti-teknologi-mara/prinsip-asas-islam/kesan-pengabaian-adab-dalam-penggunaan-media-sosial-kumpulan-e02-sufi-amier-ariff/47798491>
- Universiti Teknologi MARA. (n.d.-b). Penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar: Satu kajian kes di UiTM Shah Alam. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/40836/1/40836.PDF>